



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

KENYATAAN TAWARAN BIL.: 14 / 2023


TARIKH IKLAN : 13 MAR 2023

Petender adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 56 / 2023	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BANGUNAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI DI BANDAR MEDINI UNTUK TEMPOH 24 BULAN	KKM	220801	60.00

- Dokumen tender boleh dimuat turun dalam **Portal e-Perolehan** <http://eperolehan.mbip.gov.my> mulai **13 MAR 2023** sehingga **2 APR 2023** selepas pembayaran dibuat. Pembayaran boleh dibuat melalui :
 - Dalam bentuk **draif bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos** (*money order*) atau **wang kiriman pos berpaling** (*postal order*) dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai** atau **cek tidak boleh diterima**.
 - Pembayaran atas talian melalui platform e-khidmat.
- Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor / pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor / pembekal hendaklah berdaftar dengan sistem **e-Perolehan MBIP** yang sijil **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** masih sah tempohnya.
- Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2)** sampul surat berlakri (*sealed*).
 - Sampul surat **PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - Sampul surat **KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
- Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan **CADANGAN TEKNIKAL**.
- Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada **CADANGAN TEKNIKAL**.

6. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan CADANGAN TEKNIKAL bolehlah dihantar bersama dengan CADANGAN KEWANGAN.
7. Kedua - dua sampul tersebut (PERTAMA dan KEDUA) kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (*sealed*)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di kaunter Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar sebelum atau pada tarikh - 2 APR 2023 jam 12.00 tengah hari.
8. Sekiranya dokumen dihantar melalui khidmat pengeposan, kontraktor/pembekal adalah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tersebut dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Pihak majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan yang berlaku.



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

DHMH/MNMS/MAZ/anis(iklan tender)